

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **YB DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI**  
**IBRAHIM**  
**[ KUALA SELANGOR ]**

**TARIKH** : **23 MEI 2016 (ISNIN)**

**SOALAN** :

**Dato' Haji Irmohizam Bin Haji Ibrahim [ Kuala Selangor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan bantuan teksi atau pengangkutan percuma untuk ibu bersalin di seluruh negara terutama untuk golongan yang berpendapatan rendah.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini belum ada peruntukan khas disediakan untuk perkhidmatan teksi atau pengangkutan percuma kepada ibu-ibu mengandung.

2. Namun begitu, ia adalah satu tindakan dan niat yang murni sekiranya mana-mana pihak seperti pihak swasta mahupun badan bukan kerajaan seperti Persatuan-persatuan pemandu teksi sendiri secara sukarela memberikan perkhidmatan khas seperti ini.

Sekian, terima kasih.